



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO	
TARIKH	:	9/11/2018	MUKA SURAT : 51
JABATAN	:	IWK / SAJ	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

Ranhill SAJ meterai perjanjian dengan IWK



AHMAD FAIZAL (kiri) dan Faizal bertukar dokumen perjanjian sempena penyempurnaan majlis Menandatangani Persefahaman Pembelian Bersama antara SAJ dan IWK di Johor Bahru semalam.

KUALA LUMPUR - Ranhill Holdings Bhd. (Ranhill) melalui subsidiarinya, Ranhill SAJ Sdn. Bhd. (SAJ) telah memeterai perjanjian dengan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) untuk melaksanakan pembelian bersama bagi perkhidmatan bekalan air dan pembentukan di Johor mulai tahun hadapan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Ranhill, Tan Sri Hamdan Mohamad berkata, menerusi pembelian bersepadu itu, pengguna akan menerima satu bil yang dikeluarkan SAJ dengan gabungan caj kedua-dua perkhidmatan tersebut.

“SAJ akan menjadi pusat se-henti bagi kesemua perkara berkaitan pembelian, manakala isu-isu operasi berkaitan akan diruruskan oleh AJ mahupun IWK,” katanya menerusi satu

kenyataan bersama yang dikeluarkan sempena majlis menandatangani perjanjian itu semalam.

Disempurnakan di Johor Bahru, pemeteraian persetujuan pembelian bersama itu ditan datangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif SAJ, Ahmad Faizal Abdul Rahman dengan Faizal Othman yang mewakili IWK, sambil disaksikan oleh Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. Xavier Jarakumar Arulanan dan.

Hamdan berkata, sebagai operator air berlesen tunggal di Johor, SAJ komited dalam melaksanakan pendekatan holistik dalam pengurusan air.

Pihaknya berbesar hati untuk memperluaskan perkhidmatan tersebut dengan menjadi usaha pembelian bersama IWK.

“Telah diamalkan di pelbagai negara maju, ini merupakan langkah baharu dalam mencapai perkhidmatan air bersepadu dan menerapkan elemen pembil-lan mesra alam bagi Johor.

“Ta juga seiring dengan aspirasi keragaaan dan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 untuk mencapai industri air dan pembangunan yang bersepadu dan mampan di Malaysia,” katanya.

Belau menambah, konsep sumber ke pili yang diterapakan menandakan kitaran lengkap perkhidmatan air, daripada penyumberaan ke rawatan air mentah sehingga pembekalan air boleh diminum kepada pengguna serta penguatkuasaan bil.

“Kami yakin usaha ini akan diterima penduduk Johor, selain menyediakan kemudahan kepada mereka,” ujarnya.